

Rombakan Kabinet: Dr. Mahathir enggan komen

Dua diduga Menteri penuh

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Sabtu.—Sekurang-kurangnya dua Timbalan Menteri akan dilantik menjadi Menteri penuh dalam kabinet baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sebaik sahaja beliau mengumumkan jawatan Perdana Menteri dari Datuk Hussein Onn, 16 Julai ini.

Dua Timbalan Menteri yang disebutkan ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Enik Samusi Junid dan Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin.

Manakala Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam pula akan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Perantikan Datuk Musa berlandaskan kedudukannya sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Datuk Musa berjaya menduduki jawatan Timbalan Presiden UMNO setelah mengalahkan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamsah dengan majoriti 26 undi, di Perhimpunan Agung UMNO minggu lalu.

Sumber-sumber yang rapat dengan Kerajaan memberitahu, dua Setiausaha Parlimen pula dijangka akan menjadi Timbalan Menteri. Mereka ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Enik Abdul Rahim Thamby Chik dan Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan Awam, Enik Idris Hauf.

Kedudukan Tengku Razaleigh sebagai Menteri Kewangan belum jelas lagi kerana ada ura-ura beliau hendak diberi portfolio lain dalam kabinet Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu. Tetapi, difahamkan juga, beliau telah ditawarkan untuk berkhidmat di Bank Dunia.

Begaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir ketika ditemui di lapangan terbang kerana mengucapkan selamat berangkat kepada Sultan Selangor ke luar negeri hari ini mengenai rombakan Kabinet tersebut berkata, "setakat ini saya tidak mahu komen apa-apa."

"Tunggulah ... tidak lama lagi akan diumumkan," jelas beliau sambil tersenyum. Mengenal dengan kedudukan Tengku

Razaleigh beliau berkata, "Saya belum membincangkan perkara tersebut dengan Tengku Razaleigh."

Setakat ini, tambah beliau, "Saya tidak tahu bila Tengku Razaleigh mahu menemui saya untuk membincangkan perkara tersebut."

Tengku Razaleigh sebelum ini mengumumkan beliau akan berbincang dengan Datuk Seri Dr. Mahathir, sebaliknya pulang dari Beirut.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri
No. Penerimaan